# LAPORAN PROSIDING

## MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN DEWAN RAKYAT MENGIKUT PERATURAN MESYUARAT 80A

## PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KEDUA

**Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur**

**RABU, 18 Mac 2009**

**Mesyuarat dimulakan pada jam 1.25 petang**

[Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia *mempengerusikan Jawatankuasa]*

---

**Tuan Pengerusi:** Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat sekalian ke mesyuarat ketiga, Jawatankuasa Pilihan Dewan mengikut Peraturan Mesyuarat 80A pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat, semalam kita telah selesai mengadakan mesyuarat kali yang kedua bagi Jawatankuasa ini. Kita juga telah pun mendengar keterangan-keterangan yang telah diberikan oleh pembantu peribadi kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor iaitu Encik Michael Cornelius, serta dua orang Pengawal Keselamatan Parlimen iaitu Puan Rahmah binti Idrus dan Cik Nurul Shida binti Kamarudin. Pada hari ini pula kita akan mendengar keterangan-keterangan yang akan diberikan oleh empat orang saksi yang kita kenal pasti iaitu daripada Pergerakan Pemuda UMNO negeri Selangor iaitu Encik Latt Sharizan bin Abdullah, Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din, Encik Azahari bin Dato' Shaari, dan Encik Ungku Md. Salleh bin Ungku Abd Jamal. Jadi kita persilakanlah empat orang yang saya sebut tadi itulah.

*[Yang Berbahagia Datuk Roosme memanggil saksi-saksi]*

**Tuan Pengerusi:** Ketua 'Pengarah', kita punya Parlimen ini, OKU *friendly* kah?

**Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria [Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia]:** *Friendly. In fact* kita hendak buat satu lif baru Tuan Pengerusi *so that* dia boleh masuk ikut pintu belakang. Kita ada satu konkrit *ramp* lah. *So that* dia senang hendak masuk ke blok menara.

**Tuan Pengerusi:** Jadi di sana ini digunakan? Biasanya Yang Berhormat Bukit Gelugor gunakan yang ini *because* ada lif?

**Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria:** Daripada *car park* Tuan Pengerusi, *it is about 30 minutes, so that* budak itu tolak dia *to the ramp, then go to first floor* dan *direct to* Dewan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]:** *This is the present* punya *setting* lah?

**Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria:** Ya.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** *The coming will be...*

**Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria:** *No, it is up to him to choose which one* Yang Berhormat. Dia hendak pakai sini kah atau pakai belakang kah.

**Tuan Pengerusi:** Silakan duduk.

*[Saksi-saksi mengambil tempat di dalam bilik Mesyuarat]*

**Tuan Pengerusi:** Assalamualaikum dan selamat sejahtera saya ucapkan sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada tuan-tuan, saksi yang telah hadir pada tengah hari ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian tuan-tuan untuk menghadiri sesi prosiding Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan hadirin sekalian, sebelum memulakan sesi prosiding ini seyogia saya ingin maklumkan kepada semua saksi bahawa prosiding ini akan direkodkan dalam bentuk *verbatim*, bermakna apa yang dihujahkan itu akan ditulis dalam begitu dan laporan secara *verbatim* ini akan diedarkan kepada semua Ahli-ahli Parlimen. Semasa memberi keterangan untuk makluman, para saksi juga adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan peraturan mesyuarat umpamanya larangan menggunakan bahasa yang kurang sopan, menyebut perkara-perkara yang masih dalam pertimbangan mahkamah, perkataan-perkataan yang boleh menimbulkan perasaan sakit hati dan sedemikiannya.

Keterangan-keterangan yang diberi kepada Jawatankuasa ini adalah dilarang dikemukakan kepada pihak lain kecuali setelah Jawatankuasa ini membentangkan laporan kepada Dewan. Maksudnya apabila nanti selepas memberi keterangan, tertakluk juga kepada kami semua ini tidak kami boleh buat *press statement* atau menzahirkan apa yang berlaku dalam Dewan kecuali selepas laporan Jawatankuasa ini telah dibentangkan dalam Dewan dan Dewan telah mempertimbangkan. Ingat itu kerana apabila saudara-saudara buat itu, itu juga melanggar peraturan mesyuarat dan tidak dibenarkan.

Selain itu juga kita akan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi sepanjang mengendalikan prosiding ini. Jadi tanpa melengahkan masa lagi saya mempersilakan saksi yang pertama bagi memberi keterangan. Pilihlah di antara kamu sendiri siapa dan apabila sebelum berhujah itu perkenalkan diri... *[Disampuk]* Dengar, boleh bukan? Selain daripada itu, perkenalkan diri siapa, sebut nama dan sedemikiannya.

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat]:** *They are sitting in according to this paper.* Okey, di sini Encik Latt Sharizan, kalau dia hendak *introduce*...

**Tuan Pengerusi:** Bermula dengan yang menghadap sini sebelah kanan. Silakan.

**Encik Latt Sharizan bin Abdullah [Ketua Pemuda UMNO Petaling Jaya Ultara]:** *Bismillahhir Rahmannir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Pilihan Dewan.

Kita berempat saksi ini ingin memohon supaya kami boleh membuat satu keterangan secara yang telah kami sediakan dan di antara kami juga telah kita lantik seorang jurucakap yang mana insya-Allah kalau dibenarkan Jawatankuasa ini, boleh bercakap bagi pihak kita.

Sebelum itu kalau dibenarkan saya hendak perkenalkan diri saya sendiri bersama kawan-kawan yang lain. Nama saya Latt Sharizan bin Abdullah, Ketua Pemuda UMNO, Pergerakan Petaling Jaya Utara. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din [Ketua Pemuda UMNO Gombak]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Dewan. Saya Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Gombak. Terima kasih.

**Encik Azhari bin Dato' Shaari [Ketua Pemuda UMNO Shah Alam]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* Tuan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Dewan. Saya Azhari bin Dato' Shaari, Ketua Pemuda UMNO Shah Alam. Terima kasih.

**Encik Ungku Md. Salleh bin Ungku Abd. Jamal [Ketua Pemuda UMNO Serdang]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Dewan. Saya Ungku Md. Salleh bin Ungku Abd. Jamal, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Serdang, Selangor Darul Ehsan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, siapa yang diberi mandat ini untuk sebagai jurucakap?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Saya Tuan Pengerusi. Jadi saya pertamanya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah memberi peluang kepada kami untuk diwakili oleh saya dan telah membentangkan insiden yang telah berlaku pada 26 Februari 2009. Jadi saya mohon Tuan Pengerusi dengan izin, untuk membacakan laporan kami yang telah disediakan dalam bentuk tulisan.

**Tuan Pengerusi:** Yang dipersetujui oleh semua?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Pilihan Dewan, tuan-tuan dan puan-puan. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Dengan segala hormat dan rendah diri kami merujuk kepada insiden 26 Februari 2009. Ini adalah kenyataan kami terhadap insiden tersebut.

Sebagaimana yang Tuan Pengerusi sedia maklum, melalui perbahasan pada sebelah petang 26 Februari lalu dan melalui liputan media, telah berlaku sebuah insiden di Perkarangan Parlimen pada hari tersebut yang melibatkan beberapa Ahli Pergerakan Pemuda UMNO dan wakil rakyat Pembangkang dari DAP. Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk merujuk Tuan Pengerusi kepada rentetan insiden tersebut dan menyatakan seperti berikut:

(i) Ketua-ketua Pemuda UMNO dari Selangor hadir ke Parlimen atas dasar jemputan sebagai tetamu kepada Ahli Parlimen untuk perbincangan dan perjumpaan bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad. Tidak pernah kami berniat untuk menimbulkan sebarang bentuk kekacauan, malah jauh sekali untuk berada di Parlimen semata-mata untuk menimbulkan kekecohan, membuat ugutan dan keganasan sebagaimana dituduh;

(ii) selepas selesai urusan, beberapa orang Ketua Pemuda UMNO berdiri di laluan tertutup antara bangunan Pentadbiran Parlimen dan Bangunan Utama sebelum pulang ke kereta untuk meninggalkan Parlimen;

(iii) kami terserempak secara kebetulan dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor yang dilihat menuju Bangunan Utama Parlimen. Lalu, kami mengambil kesempatan itu untuk bertanyakan kepada beliau tentang beberapa perkara;

(iv) antara perkara-perkara yang dinyatakan kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor adalah berkaitan dengan kenyataan beliau di dalam Parlimen termasuk penghinaan terhadap Institusi Raja-Raja, penuduhan jenayah berat terhadap Pemuda UMNO yang kononnya telah menghantar kepadanya butiran peluru dan juga penghinaan Yang Berhormat Bukit Gelugor yang menggelar Pemuda UMNO sebagai "celaka";

(v) untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, tiada sebarang bentuk kekerasan mahupun serangan dilakukan terhadap Yang Berhormat Bukit Gelugor sebagaimana yang didakwa oleh Pembangkang dari DAP itu;

(vi) Tuan Pengerusi, kami hanyalah rakyat biasa yang meminta penjelasan terhadap beberapa isu. Ini dilihat perkara biasa sepertinya pihak media meminta penjelasan dari Yang Berhormat-Yang Berhormat dan wakil-wakil rakyat tentang isu-isu semasa;

(vii) namun begitu, sebagai Ahli Pergerakan Pemuda, kami merasakan telah dijadikan mangsa tuduhan yang begitu serius sekali dan dihina sebegitu rupa oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Maka kami secara spontan dan *impulsive* dengan izin, telah memohon pengakuan dari Yang Berhormat Bukit Gelugor dan juga mendesak agar beliau membuat penjelasan serta

menarik kenyataan tersebut, selain memohon maaf kepada Pemuda UMNO;

(viii) kami tidak faham, mengapakah Yang Berhormat Bukit Gelugor yang bukan sahaja seorang yang berumur dan dihormati membuat provokasi terhadap golongan muda seperti kami. Sewajarnya, sebagai seorang yang sudah tujuh penggal menjadi Ahli Parlimen, beliau lebih bijaksana di dalam kepimpinan dan tidak berlagak secara tidak bertanggungjawab terhadap rakyat biasa khususnya terhadap generasi muda;

(ix) kami berasakan hak kami telah dicabuli oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor khususnya apabila beliau menggunakan statusnya sebagai seorang OKU untuk mengambil kesempatan ke atas kami, yakni rakyat biasa. Dalam insiden ini, kami benar-benar merasakan beliau telah menyalahgunakan status OKU nya dan status imuniti Ahli Parlimennya untuk membuat tuduhan yang tidak berasas dan penghinaan terhadap kami. Pihak polis sendiri telah membuat kenyataan yang dilaporkan di media massa pada 11 Mac 2009 bahawasanya Pemuda UMNO tiada kaitan langsung dengan penuduhan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor itu;

(x) Tuan Pengerusi, adalah sedia maklum Pemuda UMNO adalah golongan pendesak dan benteng serta pelindung maruah agama Islam, bangsa Melayu dan tanah air, Malaysia. Ini adalah inti pati perjuangan yang kami warisi sejak 1946 lagi. Namun begitu, pendekatan secara konfrontasi, keganasan, keangkuhan, penipuan ataupun intimidasi bukanlah cara Pemuda UMNO dan jauh sekali cara kami. Sebagai anak Melayu, sudah pasti sifat dan sikap ketimuran yang beradab sopan dan berbudi bahasa menjadi pilihan kami;

(xi) kami sebagai golongan muda berpegang teguh kepada pepatah Melayu, "yang tua dihormati, yang muda dikasihi". Sebagai seorang yang lebih berumur dan berpengalaman, Yang Berhormat Bukit Gelugor seharusnya menunjukkan teladan yang baik kepada generasi muda, bukan melalui fitnah dan pembohongan;

(xii) namun demikian, setiap individu yang bernama manusia itu mempunyai had untuk bertoleransi. Sebagai pemimpin dari kalangan Ketua Pemuda UMNO Bahagian, kami bersyukur kerana mempunyai tahap kesabaran yang melebihi tahap Ahli Pemuda UMNO di akar umbi. Sepanjang insiden tersebut, kami percaya Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan dapat perhatikan bahawa sememangnya kami telah

sedaya upaya untuk berlaku adil dan tidak berkasar sama sekali kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor;

(xiii) kami akui, tidak pernah sepanjang 51 tahun sejarah Parlimen, Ahli Parlimen berkelakuan tidak berhemah terhadap rakyat yang datang ke Parlimen meminta penjelasan mengenai apa yang mereka katakan di Dewan Rakyat. Kami secara baik sebagai rakyat Malaysia telah cuba memohon penjelasan tetapi dilayani dengan begitu buruk oleh wakil rakyat di dalam kawasan Dewan Parlimen yang mulia ini. Ini adalah penghinaan kepada mandat, serta kepercayaan rakyat terhadap beliau dan ini adalah satu penghinaan yang lebih besar terhadap institusi demokrasi serta kemuliaan Parlimen;

(xiv) kami menyedari bahawa mungkin apa yang berlaku adalah satu kesalahan kerana tidak mengikuti lunas-lunas yang tersedia di Dewan Rakyat bagi menuntut penjelasan dan maaf daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kami juga kesal kerana Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak sensitif sebagai seorang Wakil Rakyat terhadap perasaan rakyat. Kami sememangnya kesal kerana pada pendapat kami, Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak langsung mengambil sikap bertanggungjawab dan *accountable* di atas kenyataan serta tuduhan beliau di dalam Parlimen. Beliau ibarat membaling batu sembunyi tangan;

■1340

(xv) kami menyusun jari sepuluh, memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat ketelanjuran di atas insiden yang berlaku tempoh hari. Iaitu permohonan maaf ini kami tujukan kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan yang lain. Namun sebagai rakyat biasa, kami merasa terguris dan berasa terhina bila ada pemimpin yang berbuat begini kepada kami;

(xvi) kami juga ingin memohon jutaan maaf daripada Tuan Pengerusi dan Institusi Parlimen Malaysia di atas insiden ini; dan

(xvii) terakhir, kami sesungguhnya dengan penuh rendah diri memohon agar Yang Berhormat Tuan Pengerusi serta Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pilihan ini dapat mempertimbangkan kenyataan kami ini dengan sebaik-baiknya.

Inilah yang ingin kami katakan berkenaan insiden tersebut dan tidak langsung mempunyai sebarang maklumat lain mengenainya. Kami kini serahkan perkara ini kepada budi-bicara, pertimbangan dan kebijaksanaan Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan.

Sekian terima kasih. Yang benar, daripada kami empat, yang benar, daripada saya, Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Gombak.

**Encik Latt Shahrizan bin Abdullah:** Kalau dibenarkan ayat penutup itu berbunyi demikian, sekian terima kasih, yang benar kami, saudara Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din, saudara Yang Mulia Ungku Md. Salleh bin Ungku Abd. Jamal, saudara Azahari bin Dato' Shaari dan saya sendiri saudara Latt Shahrizan bin Abdullah yang juga bagi pihak dan mendapat mandat mewakili keseluruhan 22 Ketua-ketua Pemuda UMNO bagi negeri Selangor.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi Ahli Panel Jawatankuasa Khas ini, saya ingin bertanya satu perkataan sahaja, yang istilah "kami" ini. Kamu empat orang sahaja pada ketika itu atau ada lagi sekumpulan pemuda-pemuda UMNO yang hadir, yang dituduh sebagai menghalang perjalanan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kami berempat yang terlibat secara langsung. Manakala yang lain ada di persekitaran kawasan tersebut tetapi tidak terlibat secara langsung. Iaitu "kami" itu adalah berdasarkan kepada kami empat orang ketua-ketua pemuda yang telah dipanggil. Selebihnya berada di kawasan persekitaran sewaktu insiden itu berlaku.

**Tuan Pengerusi:** Jadi yang menghalang itu tidak melibatkan yang lain-lain lagi?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tidak Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Cuma kenyataan daripada saudara Latt Shahrizan tadi bahawa pendirian yang disebut tadi adalah mewakili 22 Bahagian Pemuda UMNO seluruh Selangor.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Ya, betul Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Kalau ada lagi soalan daripada Ahli Yang Berhormat yang ingin bertanya.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Saya ada soalan, saya pasti saudara-saudara melihat video itu, seperti yang ditayangkan dalam TV3, yang datangnya daripada Pemuda UMNO. Bercakap mengelilingi Yang Berhormat Bukit Gelugor itu *you* empat orang sahaja ataupun yang lain *bystander* itu ada bercakap ataupun terlibat dalam insiden atau episod itu.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Saya kurang pasti Yang Berhormat tetapi yang pasti kami berempat memang bertanyakan soalan kepada Yang Berhormat Karpal Singh.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Alor Gajah.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]:** Terima kasih, saya juga kurang pasti sama ada, ada lebih daripada empat orang yang bertanyakan soalan pada masa itu ataupun halang Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Dari video itu memang keadaan hebat dan pertanyaan pun secara bukan *polite*. Saya faham keempat-empat orang ini sudah minta maaf tetapi yang lain itu, jika mereka juga ada cakap, kita juga hendak siasat bahawa *only these four* atau ada lebih dari empat orang itu.

**Tuan Pengerusi:** Maksud Yang Berhormat Alor Gajah ini ialah, kami telah melihat paparan video yang berlaku pada ketika itu dan sememangnyalah saudara-saudara yang dipanggil ini memang kelihatan jelas dalam paparan video itu dan ungkapan-ungkapan yang dihujahkan pun kami telah dengar. Akan tetapi di samping itu, ada lagi suara-suara yang nyata menghalang umpamanya macam saya masih ingat ada suara yang mengatakan bahawa *"Apa guna lagi Yang Berhormat masuk ke dalam Dewan?"*, dan yang sedemikiannya, ada suara yang boleh didengari sebegitu.

Itu mungkin maksud Yang Berhormat Alor Gajah ini. Ekoran daripada itu, memang persoalan saya ialah, sepanjang pengetahuan saudara-saudara pada ketika itu, yang berkerumun di sana semua Ahli UMNO kah, atau ada lagi orang lain, *bystander* dan sebagainya. Sepanjang ingatan, pada ketika itu.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tuan Pengerusi, sememangnya dalam video itu secara jelas telah menunjukkan kami berempat memang bertanyakan soalan. Namun demikian dalam masa yang sama, ada suara-suara di belakang yang kami kurang pasti siapa kerana terlalu ramai mereka yang ada di perkarangan Parlimen pada waktu itu. Kalaupun ada, kami kurang pasti identiti mereka kerana yang berada berdekatan pada waktu itu adalah kami berempat dengan Yang Berhormat Karpal Singh dan adalah agak sukar untuk kami mengenal pasti suara-suara yang bertanyakan soalan dalam masa yang sama sewaktu kami bertanya kepada Yang Berhormat Karpal Singh dan identiti mereka ini kami kurang pasti.

**Tuan Pengerusi:** Okey, untuk jelas ekoran daripada soalan itu kalau mungkin kita tengok video klip suara-suara latar, lepas itu nanti kita tanya umpamanya mana suara yang saudara kenal daripada Pemuda-Pemuda UMNO yang lain.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Ya.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Mainkan video klip.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sementara kita menunggu Tuan Pengerusi, saya hendak tanya satu soalan. Mereka yang lain, yang bersama-sama dengan saudara berempat, di mana dia orang berada? Adakah dia orang sama-sama tunggu di situ ataupun mereka masih dekat atas ataupun secara kebetulan memang berada sama-sama dekat bawah itu.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Sememangnya Yang Berhormat, seperti mana yang saya sebut awal tadi memang kami ada jemputan, seluruh ketua-ketua pemuda bahagian ada jemputan sebagai tetamu kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad. Waktu itu dalam perjalanan pulang, tinggal beberapa orang sahaja lagi, yang lain telah pun meninggalkan Bangunan Parlimen. Sewaktu kami di bawah, di perkarangan baru terserempak dengan Yang Berhormat seperti mana keterangan kami tadi. Maknanya ada...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Bermakna bukan semualah ya?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tidak, tidak.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Okey.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tidak.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tidak dapat diketahui berapa jumlah yang tinggal?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tidak berapa jelas tetapi seperti yang saya sebut tadi, memang kami berempat ada bertanya kepada Yang Berhormat Karpal Singh. Manakala yang lain itu adalah di kalangan yang kami kurang pasti identiti mereka kerana mereka juga ada di bawah perkarangan Parlimen.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Okey, terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee:** Saudara, *statement* tadi itu yang mengatakan bahawa Yang Berhormat datang Parlimen tidak ada niat sekalipun untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Akan tetapi ada kenyataan semalam, testimoni yang dibuat oleh seorang saksi. Kejadian seolah-olah menunjukkan bahawa Yang Berhormat secara kebetulan berada di luar *main entrance* Parlimen dan Yang Berhormat Bukit Gelugor dan pembantunya turun dari kenderaan. Kelihatan ada di kalangan saudara-saudara yang datang menghampiri Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Saya boleh terima bahawa Yang Berhormat tidak ada niat tetapi *how do you* menjawab testimoni semalam ini. Seolah-olah secara kebetulan 'Yang Berhormat', saudara-saudara ada..., sudah biasa panggil Yang Berhormat, saya panggil Bentara pun terpanggil 'Yang Berhormat'....

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Ronald Kiandee:** ...Seolah-olah saudara-saudara secara kebetulan dilihat sebagai sedang menanti ketibaan Yang Berhormat Bukit Gelugor. *How do you answer that?*

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, sememangnya tidak ada satu kumpulan yang menanti kehadiran Yang Berhormat Bukit Gelugor, ini mungkin dapat dijelaskan oleh pegawai-pegawai keselamatan, memang tidak ada. Kebetulan memang berlaku perselisihan di jalan, sewaktu itulah kami bertanya. Memang tidak ada satu kumpulan yang besar mahupun kami sendiri yang menunggu di bawah Bangunan Parlimen untuk sekian lama. Malahan juga di luar kawasan Parlimen. Jadi memang kami menafikan jika sekiranya ada tuduhan dibuat ke atas kami mengatakan kami menunggu dengan niat kehadiran Yang Berhormat Karpal Singh.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ini untuk lebih jelas lagi ekoran daripada soalan Timbalan Pengerusi tadi. Kenyataan saksi kelmarin, iaitu saksi yang mengiringi Yang Berhormat Bukit Gelugor ialah, apabila mereka keluar daripada kenderaan untuk ditolak menuju ke satu *ramp*, melalui satu *ramp* sebelum masuk dalam lif, dia nampak dua orang yang sedang berdiri di sekitar itu. Jadi dua orang yang berdiri ini adakah di antara empat orang saudara-saudara ini. Siapa yang berdiri pada ketika itu?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Pastinya bukan daripada kami berempat Tuan Pengerusi.

**Encik Azahari bin Dato' Shaari:** Kurang pasti.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Kami kurang pasti siapa dua orang yang dimaksudkan itu.

**Datuk Ronald Kiandee:** *Where were you,* di mana saudara-saudara ketika mula insiden itu berlaku?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Saya betul-betul dalam perjalanan ke kereta dari pintu utama, jadi sewaktu itu dia sampai, betul-betul hendak naik ke *ramp*, waktu di situ kami...

**Tuan Pengerusi:** Di situ kamu bertembung?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Ya, di situ.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum dia ditolak ke *ramp*.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Ke *ramp*, ya betul Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, siapa lagi yang berada di situ, kamu sendiri..., siapa lagi?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Kami berempat.

**Tuan Pengerusi:** Kamu berempat lah?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Ya, selepas itu barulah rakaman video itu. Masa itu sudah terlalu ramai di kawasan itu.

**Tuan Pengerusi:** Berapa lama agak-agak, kalau boleh saya gunakan perkataan berdialog, kamu minta penjelasan dari beliau, minta maaf dan sebagainya sebelum kumpulan dari *press*, daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain itu datang?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Berapa lama di antara kamu kerana pada ketika itu saya *assumed* bahawa empat kamu sahaja, bersama pembantu dia menolak dia dan *driver* dia. Berapa lama baru yang orang ramai datang.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Lebih kurang 2 hingga 3 minit Tuan Pengerusi, sebelum diserbu oleh pihak media pertamanya, dan orang-orang yang ada di persekitaran. Saya fikir lepas lima minit itu barulah rombongan Ahli-ahli Parlimen baru datang.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, kalau 2 hingga 3 minit, ertinya semasa pertanyaan, suara dia mungkin *loud* sedikit. *So*, semua orang media boleh dengar dan datang berkumpul di sana.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Hari itu saya ada tanya media kerana media dekat tangga. Media berlari turun, lain-lain media duduk di sofa turut turun serta semua orang turut turun.

**Tuan Pengerusi:** Jadi bermakna sebelum media sampai, seminit dua tidak ada kekasaran apa-apa?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tidak.

**Tuan Pengerusi:** Kamu tidak pegang dia.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tidak.

**Tuan Pengerusi:** Tidak pegang *wheel chair* dia.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tidak.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada maki hamun.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tidak.

**Datuk Ronald Kiandee:** Okey.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, keadaan dalam sesi pertanyaan hebat, suara dia *loud* sedikit, bukan perbincangan. Itulah masalah kalau mengikut video yang ada. *So*, soalan kita, kalau bukan sengaja, spontan sahaja, kenapa keadaan hebat macam itu?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tegang!

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *Quite tense*.

**Tuan Pengerusi:** Boleh sebelum jawab itu, boleh kita tengok dulu, tonton dahulu klip ini. Kerana saya *assumed* bahawa mula-mula mungkin saudara-saudara bertanya dia dengan baik dan sebagainya.

*[Rakaman video ditayangkan]*

**Tuan Pengerusi:** *Stop, stop*, siapa itu?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Siapa di belakang?

**Tuan Pengerusi:** Yang di belakang saudara Megat? Yang itu, siapa itu?

**Datuk Ronald Kiandee:** *Assistant, assistant*, putih, putih, ya.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Saya tidak kenal, yang pastinya bukan ahli pemuda dan bukan ketua pemuda.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Memang kah?

**Datuk Ronald Kiandee:** Dia cakap Melayu.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Nampak muka macam India.

**Tuan Pengerusi:** Ini kerana yang kedengaran bercakap tadi bahawa dia bilang, *"Apa guna lagi masuk..."*. Ini pasti kah, bukan pemuda?

**■1355**

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Pasti Tuan Pengerusi. Bukan di kalangan 22 Ketua Pemuda dalam Negeri Selangor dan juga, Ahli Pemuda di peringkat bahagian kami.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *No one of those who went to see that?*

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** *No, sir.*

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *No.*

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Ya itu *over age already*. Tuan Pengerusi, tengok itu sudah tua, mana Pemuda boleh masuk lagi... *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Mana tahu nampak tua sahaja tetapi umur muda. Yang Berhormat Bintulu tidak boleh bercakap begitu.

**Datuk Ronald Kiandee:** Tidak, nanti kita kena *accuse, selective prosecution* lagi... *[Ketawa]*

*[Rakaman video ditayangkan]*

**Datuk Ronald Kiandee:** Ya *pulling on the wheelchair.* Baju *stripe. Stripe shirt.*

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** *That is me.*

**Datuk Ronald Kiandee:** Okey,okey, okey. *That is him.*

**Tuan Pengerusi:** Yang *stripe* itu.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Baju biru tepi, tidak kenal?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tidak kenal. Tidak kenal.

**Datuk Ronald Kiandee:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Bukan Ketua Pemuda Selangor.

*[Rakaman video ditayangkan]*

**Datuk Ronald Kiandee:** *One, two, three, four...*

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ha itu dia.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Stop.*

**Encik Latt Sharizan bin Abdullah:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *just that second,* apa ni dalam *second* itu tadi..., kalau boleh dengar yang mula Ungku mengata, *"We don't stop you".* Kalau boleh *adjust a few second* tadi...

*[Rakaman video diulang tayang]*

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Yang sebut, *"...buat kacau dunia".* Bukan di kalangan kamu?

**Encik Latt Sharizan bin Abdullah:** Bukan.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Yang itu kami tidak kenal yang sebelah tadi itu.

**Encik Latt Sharizan bin Abdullah:** *here* Ungku. *Exactly there.* Saksi ini, *"We don't stop you".*

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** *He mention that words.*

**Encik Latt Sharizan bin Abdullah:** *Yes. He mention that words.*

**Datuk Ronald Kiandee:** *Who took this video* ya? *Amongst you or* siapa yang ambil video ini?

**Encik Latt Sharizan bin Abdullah:** Boleh saya jawab soalan itu.

**Datuk Ronald Kiandee:** Ya.

**Encik Latt Sharizan bin Abdullah:** Yang Berhormat video ini, kita ambil daripada *website* Yang Berhormat Lim Kit Siang, *blog* dia.

**Datuk Ronald Kiandee:** *Where did he get? It must be from somebody?... Youtube* kan?

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *Yes. I think one of the medium voice.*

**Encik Latt Sharizan bin Abdullah:** Kita tidak tahu daripada mana datangnya. Akan tetapi yang pastinya, kita dapat daripada *website* Yang Berhormat Lim Kit Siang. Terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee:** Okey. Bukan *amongst you* yang ambil?

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** *No, no.*

**Datuk Ronald Kiandee:** *Because if amongst you,* mesti ada niat.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Tidak.

**Datuk Ronald Kiandee:** Okey.

*[Rakaman video ditayangkan]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey. *Stop* lah di situ. Okey kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak ada soalan lagi saya rasa kita boleh...

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Tan Sri Pengerusi, *So* ini saudara-saudara sudah minta maaf tetapi kita boleh tanya satu soalan kah? Mereka mengaku salah kah atas..., atau mereka faham kah yang mereka sudah... Mereka sudah langgar Akta Parlimen, ataupun mengikut peraturan mesyuarat, kita ada perasan atau tidak?

**Datuk Ronald Kiandee:** *Put it this way..., I put it this ways.* Adakah yang saudara-saudara ini mengetahui bahawa menghalang Ahli Parlimen daripada masuk dan keluar merupakan satu kesalahan?

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Di dalam Parlimen.

**Datuk Ronald Kiandee:** Dalam Parlimen.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Kami tidak tahu. Yang Berhormat kami memang tidak tahu peraturan dan di bawah akta itu. Kami selama ini memikirkan di dalam Parlimen bukan di perkarangan Parlimen, dan memang kami tidak sedar tentang kesalahan itu.

**Datuk Ronald Kiandee:** Okey. Apa yang dirancang dalam fikiran saudara-saudara ketika insiden ini berlaku. *Very obvious clear that* Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak berganjak daripada pendirian dan tidak ingin menjawab segala soalan yang saudara-saudara kemukakan. Dalam fikiran saudara-saudara ketika itu, *what do you intend to do,* jika Yang Berhormat Bukit Gelugor dalam keadaan yang sedemikian. Sebelum Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang datang turun itu, *what do you intend to do?* Insiden ini berlaku dikatakan satu, dua minit ataupun sembilan hingga sepuluh minit. Kita tidak pasti.

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Kami tidak ada apa-apa perancangan Yang Berhormat Timbalan Speaker. Kami hanya ingin penjelasan dan ingin dia mohon maaf itu sahaja. Tidak ada apa-apa dalam pendirian kami merancang.

**Datuk Ronald Kiandee:** Okey. Soalan saya dia tidak berganjak dan tidak ingin meminta maaf. Apa dalam fikiran saudara-saudara *the next thing, what you want to do?*

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** Dia bebas untuk pergi. Memang kami tidak ada niat untuk menghalang sama sekali sewaktu itu.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Bolehkah?

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing:** Sudah habis.

**Tuan Pengerusi:** Okey, tidak ada apa-apa lagi terima kasih. Terima kasih atas kerjasama... Kalau yang tadi *statement* yang dibaca itu kalau boleh tinggalkan dengan kami.

**Datuk Ronald Kiandee:** Keputusan sekarang kah?

**Tuan Pengerusi:** *Let them out,* keluar terus. *Who decide* ini?... *[Berbisik dengan Timbalan Pengerusi]*

**Tuan Haji Megat Zulkarnain bin Omar Din:** *Assalamualaikum* dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya mewakili rakan-rakan mohon maaf dan ucap terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

*[Saksi-saksi keluar daripada bilik Mesyuarat]*

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA BERBINCANG DAN MEMBUAT KEPUTUSAN**

[Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**1.58 ptg.**

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya rasa saya mulakan apa yang terkandung dalam pemikiran dan sanubari saya dalam soal ini. Saya benar-benar meneliti, mendengar hujah mereka yang secara bertulis itu. Okey. Jadi dalam soal ini. Saya rasa yang patut kita beri tumpuan ialah pertama, sama ada kesalahan di bawah Akta Parlimen ataupun Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat ini sebagai mandatori atau tidak? Kalau ia kita tengok bahawa kesalahan itu, kerana saya difahamkan oleh Setiausaha Dewan Rakyat bahawa perkara ini belum pernah berlaku di Parlimen Malaysia.

Kalau kita anggap ia sebagai satu kesalahan mandatori, *meaning the fact that* insiden itu berlaku, Yang Berhormat Bukit Gelugor ditolak oleh pembantu dia selepas itu, dua, tiga orang pemuda datang dan bertanya kepada dia, kerana itu pun adalah hak mereka dalam demokrasi dan sedemikiannya dan dia terhalang untuk ditolak masuk Dewan dalam beberapa minit..., sepuluh minit, 15 minit...

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *That is the offence.*

**Tuan Pengerusi:** Kalau itu kita anggap sebagai *mandatory, it is an offence, then of course they have committed of an offence*. Akan tetapi kalau pula kita tidak menganggap, yang harus kita sedar bahawa apabila kita buat ini, itu di mahkamah *precedence already.*

*That* tidak ada sesiapapun Ahli Yang Berhormat yang akan dapat ditanya oleh orang awam kalau ia dalam persekitaran Parlimen. Walau dengan apa cara sekalipun, kalau perjalanan dia itu terganggu untuk tidak dapat masuk dan keluar. Itu maksud saya. *We must be very clear on that because we are creating of precedence here.*

Kalau kita menganggap itu sebagai *offence*, jadi cuma yang harus kita fikirkan ialah penalti di dalam akta itu berapa? Saya difahamkan bahawa ia RM1,000. Dan di samping apabila kita mengambil kira berapa yang harus kita denda mereka ini, apa yang harus diambil kira ialah kenapa perkara itu tercetus? Jadi dalam istilah-istilah undang-undang *mitigating factor.*

Jadi dalam soal ini, apa yang saya nampak, apa yang disebut mereka itu melalui kenyataan tadi ialah ada *mitigating factor* yang perlu diambil kira. Oleh sebab sebelum ini, kejadian itu berlaku ekoran daripada hujah yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor sewaktu membahaskan dalam Dewan bahawa peluru yang dia terima itu seperti yang mereka sebut, tuduhan dia adalah daripada Pemuda UMNO.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pngerusi, *I think that, no mitigating factor because there are lots of Pemuda UMNO, Ahli of Parliament, even Minister who can in Parliament or anywhere, questions* Yang Berhormat Karpal Singh *on what he does? So their..., I meant they could channel their grievances to their representative...*

